

24 MAY 2003

Mahathir-Pembangunan

PEMBANGUNAN TAPAK TEBUS GUNA TANAH TANJUNG PINANG PERLU SEIMBANG

PULAU PINANG, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri mengingatkan pemaju projek tebus guna tanah Tanjung Pinang di Tanjung Tokong di sini supaya memastikan pembangunan sosial dan alam sekitar yang seimbang di atas tapak itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pembangunan yang bakal dilaksanakan di tapak berkenaan tidak mengetepikan golongan miskin terutamanya mereka yang tidak mampu membeli rumah yang mahal, selain memelihara alam sekitar.

Menurutnya semasa melalui kawasan itu bersama-sama Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah pagi tadi, beliau mendapati masih ada penduduk yang tinggal di rumah-rumah kayu di kawasan berhampiran tapak berkenaan.

Walaupun Pulau Pinang secara keseluruhannya telah membangun dan memiliki banyak bangunan pencakar langit, katanya masih ada kawasan penempatan yang kelihatan seperti zaman tahun 50-an dengan keadaan rumah kayu yang tidak begitu selesa.

"Jelas kelihatan ramai rakyat Pulau Pinang masih ketinggalan dan seolah-olah masih berada pada zaman Perang Dunia Kedua," katanya semasa merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Pinang, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berharap mereka yang masih tinggal dalam keadaan yang tidak sempurna itu diberi peluang untuk mendapatkan projek perumahan kos rendah (LC) dan kos sederhana (MC) di tapak berkenaan.

"Pembangunan mesti seimbang. Walaupun golongan miskin tidak mampu membeli kondominium, mereka masih ada pendapatan dan mempunyai tanah yang bernilai tinggi untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana rendah yang selesa," katanya.

Bagaimanapun, beliau gembira dengan projek itu kerana pemaju turut membina rumah kos rendah dan sederhana selain kos mahal, yang memberi peluang kepada mereka yang tidak berkemampuan memiliki rumah kos sederhana dan kos rendah itu.

"Dengan cara ini, kita dapat membantu mereka yang kurang mampu dan ini merupakan cara yang sering diamalkan di Malaysia di mana yang kaya membantu yang miskin," katanya.

Dr Mahathir juga mahu pembinaan rumah-rumah berkenaan tidak meninggalkan langsung ciri-ciri seni bina unik dan menarik Pulau Pinang kerana ia adalah identiti negeri ini.

"Kalau kita bangunkan bangunan tinggi dan pencakar langit yang serba moden, Pulau Pinang tidak akan jadi unik lagi sebab ia sama dengan pulau-pulau lain di dunia," katanya.

Beliau turut memuji usaha pemaju itu, Tanjung Pinang Development Sdn Bhd, kerana mereka bentuk tebus guna tanah itu dalam bentuk lima pulau bagi membolehkan air mengalir di antara pulau-pulau itu.

Cara itu berbeza dengan tebus guna tanah yang biasa dilakukan sebelum ini iaitu menebus guna tanah secara langsung hingga sampai ke tanah asal dan tidak ada saluran air.

"Saya percaya akan ada perancangan untuk mendirikan marina dan kita akan dapat melihat bot-bot belayar dalam saluran air ini. Ini lebih menarik," katanya.

Perdana Menteri juga mahu kawasan tepi pantai dikekalkan untuk membolehkan orang ramai menjalankan aktiviti riadah dan berehat di hujung minggu.

Beliau berharap pemaju dapat menjalankan projek tebus guna tanah itu seperti yang dirancang dan mengikut pelan yang ditetapkan dan tidak

terbengkalai lagi seperti pada 1997 akibat krisis ekonomi.

Dr Mahathir berkata beliau akan terus memantau kemajuan projek itu walaupun tidak menjadi Perdana Menteri lagi.

"Bila siap, saya akan buat lawatan lagi ke sini, bukan sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai diri saya sendiri," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Projek Tanjung Pinang dimajukan oleh Tanjung Pinang Development Sdn Bhd, yang dimiliki 70 peratus oleh Permaijana Ribu (M) Sdn Bhd (yang dimiliki oleh UEM Bhd, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang dan Magma Bhd) dan 30 peratus lagi dimiliki oleh Koperasi Gabungan Negeri (KGN) Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

-- BERNAMA

ZU SA NAK